



Faculty of Cognitive Science and Human Development

**KAJIAN PERSEPSI PESERTA TERHADAP
PROGRAM PEMBIMBING RAKAN SEKERJA
[PERASA]**

MUHAMMAD HAIKAL BIN OSMAN ABU BAKAR

HF
5549.5
C8
M952
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL
PERSEPSI PESERTA TERHADAP
PROGRAM PEMBIMBING RAKAN SEKERJA (PERASA)

SESI PENGAJIAN: 2000/2004

Saya
MUHAMMAD HAIKAL BIN OSMAN ABU BAKAR

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitalan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini dengan bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. ** sila tandakan (√)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi /badan di mana penyelidikan ini dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

NO. 113 KG. TENGAH PEKAN
KG. GAJAH 36800 PERAK.

Tarikh:

50/8/03

Tarikh:

30/3/03

Catatan:

* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada piha berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

KAJIAN PERSEPSI PESERTA TERHADAP
PROGRAM PEMBIMBING RAKAN SEKERJA
[PERASA]

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000129709

Oleh

MUHAMMAD HAIKAL BIN OSMAN ABU BAKAR

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Keahlian Kaunseling Organisasi
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak

Projek bertajuk 'Kajian Persepsi Peserta Terhadap Program Pembimbing Rakan Sekerja' [PERASA] telah disediakan oleh Muhammad Haikal B. Hj. Osman Abu Bakar dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kaunseling Organisasi)

Diterima untuk diperiksa oleh:



Prof Madya Hajjah Zuraidah Abdul Rahman

Tarikh:

30/3/03

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Dia Tuhan yang terlalu Maha Pemurah dan Maha Pengasih kepada setiap makhlukNya, dan syukur setulunya di atas segala anugerah rahmatnya. Moga-moga jiwa hamba dan rasa berTuhan akan terus mengalir deras di setiap urat darah yang mengalir di dalam tubuhku.

Terima kasih kepada Prof Madya Zuraidah Abdul Rahman penyarah program Kaunseling Organisasi dan penyelia projek tahun akhir ini. Terima kasih di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah mama berikan.

Terima kasih kepada En. Mohd Razali Othman, di atas tunjuk ajar dan bimbingan memimpin di dalam dunia kaunseling di Universiti Malaysia Sarawak. Kepada En. Junaidi Kaunselor di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching Sarawak di atas bantuan dan pertolongan yang telah diberikan untuk Pembimbing Rakan Sekerja dan kakitanga yang terlibat sebagai responden. Terima kasih.

Terima kasih juga kepada En. Rosli Sahmat, Pegawai Pendidikan Daerah Lundu yang telah banyak membantu serta guru-guru besar sekolah rendah di daerah Lundu, sebagai responden kajian yang telah dijalankan ini. Terima kasih cikgu.

Kepada ahli keluarga yang dikasihi buat umi dan abah, doakan anakmu menjadi orang soleh yang bertaqwa. Myrah, terima kasih di atas sokongan dan doa.

Terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan Edris Aden, Awang Mohd Najib dan Roslim Man serta *sabakul awalun* Pelajar kaunseling Organisasi, mudahan Tuhan akan turunkan bantuan untuk kita membina dan memimpin generasi umat pada masa hadapan.

Muhammad Haikal Hj. Osman Abu Bakar
1 Muharam 1424 H
Kota Samarahan, Sarawak.

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Jadual Kandungan	ii
Senarai Jadual	iv
Senarai Gambar Rajah	v
Abstrak	vi
Abstrac	vii
BAB 1	PENDAHULUAN KAJIAN
Pengenalan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Definisi Istilah & Operasional	5
1.6 Rangka Konseptual kajian	7
1.7 Objektif Kajian	8
1.7.1 Objektif Umum	8
1.7.2 Objektif Khusus	8
1.8 Hipotesis Kajian	8
1.9 Limitasi Kajian	9
BAB 2	KAJIAN SEMULA PENULISAN
2.1 Pengenalan	10
2.2 Definisi dan Konsep Persepsi	10
2.3 Personaliti	11
2.4 Pembimbing Rakan Sekerja	13
2.5 Tujuan Perasa	13
2.6 Penilaian Pembimbing Rakan Sekerja	14
2.7 Kemahiran Asas Kaunseling	15
2.7.1 Bimbingan	15
2.7.2 Kaunseling	16
2.8 Hubungan Membantu	18
2.9 Program Latihan	19
2.10Kepentingan Latihan	20
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN
3.1 Pengenalan	22
3.2 Rekabentuk Kajian	22
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	22
3.4 Instrumentasi Kajian	23
3.5 Penganalisaan Data	25
3.51 Skala Menentukan Persepsi	26

BAB 4 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	27
4.2	Latar belakang Responden	27
4.2.1	Jantina	27
4.2.2	Umur	28
4.2.3	Taraf pendidikan	28
4.2.4	Bilangan Tahun Berkhidmat	29
4.3	Persepsi Terhadap Program Perasa	30
4.3.1	Persepsi Dari Aspek Kemahiran	30
4.3.2	Persepsi Dari Aspek Motivasi Diri	31
4.3.3	Persepsi Dari Aspek Personaliti Membantu	32
4.3.4	Persepsi Secara Keseluruhan	33
4.4	Pengujian Hipotesis Kajian	33
4.4.1	Ho1: Hubungan Persepsi Perasa Dengan Umur	33
4.4.2	Ho2: Perbezaan Di Antara Taraf Pendidikan Dengan Program Perasa	34
4.4.3	Ho3: Hubungan Bilangan Tahun Berkhidmat Dengan Program Perasa	34
4.4.4	Ho4: Hubungan Persepsi Motivasi Diri Dengan Program Perasa	35
4.4.5	Ho5: Hubungan Persepsi Kemahiran Yang Diperolehi Dengan Program Perasa	35
4.4.6	Ho 6: Hubungan Persepsi Personaliti Membantu Dengan Program Perasa	36
4.5	Ringkasan Pengujian Hipotesis Yang Diterima	37

BAB 5 RINGKASAN & KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	38
5.2	Kesimpulan Kajian	38
5.3	Implikasi Kajian	39
5.3.1	Implikasi Kepada Bidang Akademik	39
5.3.2	Implikasi Kepada Organisasi	39
5.4	Cadangan Kajian	40
5.4.1	Cadangan Kepada Organisasi	40
5.4.2	Cadangan Kepada Penyelidik Akan Datang	41
5.5	Kesimpulan	42

Bibliografi

Lampiran

SENARAI JADUAL

Jadual 1 :	Tabuaran Responden Mengikut Jantina	27
Jadual 2 :	Taburan Responden Mengikut Umur	28
Jadual 3 :	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	29
Jadual 4 :	Taburan Mengikut Bilangan Tahun Berkhidmat	29
Jadual 5 :	Persepsi Dari Aspek Persepsi Kemahiran	30
Jadual 6 :	Persepsi Dari Aspek Persepsi Motivasi Diri	31
Jadual 7 :	Persepsi Personaliti Membantu	32
Jadual 8 :	Persepsi Perasa Secara Keseluruhan	33
Jadual 9:	Analisis Kolerasi: Perkaitan Hubungan Persepsi Program Perasa Dengan Umur	33
Jadual 10:	Analisis T-test: Perbezaan Di Anantara Taraf Pendidikan Dengan Persepsi Terhadap Program Perasa	34
Jadual 11:	Analisis Kolerasi: Perkaitan Hubungan Bilangan Tahun Berkhidmat Dengan Persepsi Program Perasa	34
Jadual 12:	Analisis Kolerasi: Perkaitan Hubungan Di Antara Motivasi Diri Dengan Persepsi Program Perasa	35
Jadual 13:	Analisis Kolerasi: Perkaitan Hubungan Di Antara Kemahiran Yang Diperolehi Dengan Persepsi Program Perasa	35
Jadual 14:	Analisis Kolerasi: Perkaitan Hubungan Di Antara Personaliti Membantu Dengan Persepsi Program Perasa	36

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah 1:	Kerangka Konseptual Kajian	7
Gambar Rajah 2:	Tahap Perkembangan Manusia	12
Gambar Rajah 3:	Model Hubungan Membantu	18
Gambar Rajah 4:	Interpretasi Nilai Koefisien	25

ABSTRAK

KAJIAN PERSEPSI PEKERJA TERHADAP PROGRAM PEMBIMBING RAKAN SEKERJA (PERASA)

Oleh:

Muhammad Haikal Bin Osman Abu Bakar

Kajian persepsi para peserta terhadap program Pembimbing Rakan Sekerja adalah bertujuan untuk menganalisis interpretasi persepsi para peserta di dalam program ini sama ada menunjukkan persepsi yang positif atau sebaliknya, melalui faktor motivasi diri, personaliti membantu, serta kemahiran yang diperolehi oleh para peserta program PERASA. Kajian ini dijalankan kepada kakitangan Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching serta kepada guru-guru besar sekolah rendah di daerah Lundu, Sarawak yang telah menjadi peserta program Perasa. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mendapat maklum balas daripada 35 orang responden sebagai sampel kajian ini. Data kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (Windows) (SPSS)* versi 9.0. Kekerapan, peratusan dan purata digunakan untuk menerangkan demografi responden dan juga persepsi responden terhadap program Perasa bagi mengenal pasti perkaitan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar ujian Kolerasi Pearson digunakan. Setiap hipotesis adalah diterima apabila nilai p melebihi aras signifikan 0.05 dan hipotesis akan ditolak apabila nilai p kurang daripada aras signifikan. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis perbezaan di antara 2 taraf pendidikan dengan persepsi terhadap program Perasa. Terdapat 6 hipotesis di dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan para peserta yang telah mengikuti program Perasa ini menunjukkan persepsi yang positif terhadap program Pembimbing Rakan Sekerja berdasarkan 3 faktor diri peserta iaitu motivasi diri, personaliti membantu serta kemahiran yang diperolehi di dalam Perasa.

ABSTRACT

STUDY OF PARTICIPANTS PERCEPTIONS ON PERASA PROGRAM

By:

Muhammad Haikal Bin Osman Abu Bakar

The main purpose of this study is to identify the perception of participants of Pembimbing Rakan Sekerja program. This study focuses on the perception by the participants whether the program is interpreted as positive or negative. The study was conducted to the staff of Maktab Perguruan Batu Lintang and the headmasters selected primary schools in Lundu, Sarawak. The researcher used questionnaire as the instrument to gain a feedback from 35 respondents as the sampel. The data was analyzed using the statistical package for the social sciences (windows) version 9.0. Frequency, percentage and mean were used to explain respondents demography and the perception of the respondents of the PERASA program. To identify the relationship between independent variables and dependant variables, correlation Pearson Test has been used. Every hypothesis were accepted if the p value is on the significant level of 0.05. However, the hypothesis will be rejected if the p value is less than the significant level of 0.05. The t-test is used to discover the difference between the two level of education and the perception towards the PERASA program. There were 6 hypothesis in this research. Findings showed that the perceptions of participants in PERASA program was positive based on their motivations, personality and skill they gained in PERASA.

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, definisi istilah secara konseptual dan operasional serta kerangka konseptual kajian. Limitasi kajian dan kepentingan kajian juga turut akan dibincangkan dalam bahagian ini.

1.2 Latar belakang Kajian

Persepsi merupakan sesuatu yang lahir daripada maklumat yang telah diperolehi dan interpretasi yang diberikan sebagai maklum balas terhadap sesuatu yang diterima. Ianya merupakan suatu proses kognitif yang dilakukan oleh seseorang melalui maklumat daripada pancainderanya. Persepsi adalah sesuatu yang abstrak dan ia sangat sukar untuk diukur. Setiap individu mempunyai persepsi yang berlainan atau berbeza, walaupun melalui maklumat yang sama diperolehi, tetapi maklum balas yang diperolehi adalah tetap berbeza dan berlainan. Persepsi di kalangan para pekerja di dalam sesebuah organisasi juga adalah bersifat relatif, ia merupakan suatu perasaan yang dialami dan dirasai oleh para pekerja melalui pengalaman mereka setelah menghadiri atau mengikuti program latihan. Interpretasi persepsi yang positif terhadap sesuatu program latihan ianya dipengaruhi oleh pelbagai faktor sama ada, faktor dalaman iaitu diri individu seperti minat, motivasi diri, pengalaman, ilmu pengetahuan serta kehendak dan keperluan di dalam diri seseorang. Manakala faktor luaran pula iaitu seperti faktor suasana persekitaran, dan juga cara pengendalian program latihan tersebut dilakukan.

Menurut Noraini Ahmad (1996) menyatakan bahawa persepsi amat dipengaruhi oleh latar belakang, pengalaman, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang. Beliau telah mentafsir persepsi sebagai bagaimana seseorang melihat serta mentafsirkan sesuatu berdasarkan pengalaman dan kepercayaan serta pegangan nilai. Oleh itu, dapatlah difahamkan bahawa persepsi adalah sebagai tanggapan atau pandangan seseorang terhadap sesuatu perkara. Pandangan atau tanggapan ini dipengaruhi oleh beberapa perkara seperti keadaan persekitaran, pegangan nilai, taraf pendidikan, pengalaman dan sebagainya.

Kajian berhubung persepsi para peserta terhadap program latihan Pembimbing Rakan Sekerja merupakan suatu kajian yang mengkaji berkaitan persepsi para peserta terhadap program latihan yang telah mereka ikuti. Ini termasuklah mendapatkan maklum balas berhubung persepsi terhadap motivasi diri peserta personaliti membantu pada diri peserta program Perasa serta kemahiran-kemahiran kaunseling yang diperolehi atau yang dipelajari sepanjang program latihan PERASA ini dijalankan.

Kejayaan atau sebaliknya program latihan ini juga banyak bergantung kepada persepsi para peserta program latihan ini juga. Ini kerana persepsi juga turut menjadi antara alat ukuran yang dapat digunakan untuk mengukur keberkesanan sesuatu program latihan yang dijalankan. Oleh itu Pembimbing Rakan Sekerja atau PERASA adalah program yang telah diubahsuai daripada Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), yang telah diperkenalkan oleh Zuraidah Abdul Rahman (kini Prof Madya) pada tahun 1986. Pada tahun 1993, Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) diperkenalkan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) di bawah bimbingan Shahbuddin Hj Ashari untuk para pekerja pejabat, guru-guru serta pihak pengurusan di organisasi.

PERASA juga merupakan cara untuk membantu para pekerja di tempat kerja bagi menghadapi isu dan cabaran hidup seharian dan di dalam dunia pekerjaan dengan lebih berkesan. PERASA juga berperanan sebagai rakan yang mempunyai kemahiran asas dalam pembimbing rakan, dan ianya juga dianggap sebagai satu perkhidmatan sokongan di dalam sesebuah organisasi atau institusi. Oleh yang sedemikian kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi para peserta terhadap Program PERASA berdasarkan persepsi para peserta yang telah mengikuti program PERASA.

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai manusia biasa, sama ada secara sedar atau tidak sedar kita hidup saling bergantung di antara satu sama lain. Dengan erti kata yang lain, dalam kehidupan yang dilalui ini kita tidak dapat hidup secara bersedirian dan memerlukan orang lain bagi mendapatkan bantuan atau pertolongan. Begitu juga di dalam organisasi atau syarikat, sudah tentulah kita saling perlu dan memerlukan, bekerjasama antara satu sama lain, bagi mencapai objektif dan meningkatkan produktiviti di dalam organisasi. Manakala di dalam organisasi atau syarikat memerlukan pekerja yang mempunyai ilmu, kemahiran dan pengalaman yang luas, sewaktu berkhidmat di dalam organisasi. Pihak syarikat atau organisasi sanggup menghantar pekerja yang mengikuti program-program latihan, dengan harapan mereka membawa perubahan sama ada pada diri mahupun di tempat kerja.

Tambahan pula di dalam era globalisasi ini, pelbagai cabaran di hadapi oleh para pekerja serta pihak organisasi sendiri. Penggunaan teknologi di dalam urusan seharian, cabaran kerja yang kian kompleks serta tekanan yang dihadapi di tempat kerja, secara tidak langsung membawa pelbagai implikasi kepada para pekerja. Ini termasuklah kurang bermotivasi di tempat kerja yang mengakibatkan produktiviti syarikat atau organisasi turut terjejas sama.

Bagi Mahmood Nazar (1995) menyatakan bahawa tekanan yang dialami di tempat kerja mengundang pelbagai kesalahan dan juga kemalangan di tempat kerja. Justeru itu, para pekerja memerlukan khidmat sokongan dan dorongan yang tinggi bagi membantu mereka berhadapan dengan cabaran di tempat kerja dengan lebih yakin dan bermotivasi tinggi. Oleh itu, Program Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) adalah sebagai salah satu usaha yang dapat dilakukan bagi membantu pihak organisasi, khususnya kepada pihak pekerja dapat menangani cabaran dan halangan di tempat kerja dengan lebih baik lagi. Program Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) adalah program yang diatur oleh pihak Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai usaha membantu para pekerja menghadapi cabaran dan isu di tempat kerja.

Justeru itu adakah Program Pembimbing Rakan Sekerja memberikan kesan kepada para peserta yang telah mengikutinya, dari aspek kemahiran kaunseling yang diperolehi dan dipelajari sepanjang program Perasa. Apakah pula persepsi para peserta dari sudut personaliti membantu setelah mengikut program ini serta motivasi diri yang dirasakan oleh peserta. Ini termasuklah persoalan apakah persepsi para peserta terhadap program Pembimbing Rakan Sekejra ini secara keseluruhan atau umumnya?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berhubung persepsi para peserta program Pembimbing Rakan Sekerja terhadap program Pembimbing Rakan Sekerja. Oleh yang sedemikian dengan adanya kajian yang dijalankan seperti ini dapat membantu pihak penganjur Program Pembimbing Rakan Sekerja, memperbaiki kekurangan atau kelemahan yang ada agar, program PERASA ini akan terus memberikan sumbagannya kepada pembangunan para pekerja di organisasi negara ini. Dengan ini pihak oranisasi yang menjalankan program Pembimbing Rakan Sekerja akan mendapat maklum balas secara langsung berkenaan persepsi para pekerja oranisasinya yang telah mengikuti program PERASA ini. Hasil kajian ini akan dapat mengenal pasti beberapa perkara yang menjadi aspek penting di dalam program PERASA. Ini termasuklah dapat mengetahui

1. Persepsi peserta program latihan Perasa dari aspek motivasi diri setelah mengikuti program Perasa.
2. Persepsi peserta program latihan PERASA dari aspek personaliti membantu di dalam diri mereka.
3. Persepsi para peserta terhadap kemahiran latihan kaunseling yang diperolehi di dalam program latihan PERASA.
4. Persepsi para peserta terhadap keseluruhan program PERASA yang telah diikuti oleh responden.

Dengan erti kata yang lain, kajian yang dijalankan ini akan dapat membantu pihak organisasi mengetahui keberkesanan program program Pembimbing Rakan Sekerja melalui persepsi para peserta sendiri. Dengan ini segala kekuarangan atau kelemahan dapat diperbaiki manakala kelebihan dapat dipertingkatkan lagi. Ini akan dapat memastikan program latihan PERASA yang lebih efektif dapat dijalankan dan memberikan kesan yang lebih baik terhadap pihak organisasi sendiri.

Pihak organisasi juga akan dapat mengetahui dan membuat penilaian sendiri terhadap program Pembimbing Rakan Sekerja yang dijalankan di organisasi adakah dapat membantu organisasi sendiri atau sebaliknya.

Selain daripada itu juga, kajian seperti ini dapat menjadi sebagai panduan kepada pihak penganjur program program Pembimbing Rakan Sekerja membuat penilaian terhadap keberkesanan program latihan PERASA yang dijalankan selama ini melalui interpretasi persepsi atau pandangan yang dikemukakan oleh para peserta sendiri. Misalnya setelah menamatkan sesi program latihan Perasa, borang soal selidik berhubung penilaian kursus boleh diedarkan kepada para peserta untuk dibuat penilaian; sama ada penilaian terhadap modul program, cara pengendalian mahupun pengaplikasian program Perasa sendiri.

Kepada individu atau peserta yang telah mengikuti program PERASA ini akan dapat mengenal pasti perubahan-perubahan sama ada dari aspek tingkahlaku mahupun pemikiran mereka terhadap pembelajaran di dalam program latihan PERASA ini, berdasarkan persepsi yang telah mereka berikan sebagai responden di dalam kajian ini.

Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai panduan untuk pihak pengurusan Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) bagi mendapatkan maklumbalas daripada para peserta setelah mengikuti atau menjalani program ini. Secara tidak langsung pihak pengurusan PERASA akan dapat mengetahui tahap kefahaman dan kemampuan setiap para peserta di dalam program yang dijalankan.

Hasil kajian ini, secara tidak langsung akan dapat dijadikan panduan oleh para pengakaji pada masa akan datang dalam menghasilkan penyediaan yang lebih baik dan mendalam berhubung kajian yang berkaitan dengan Pembimbing Rakan sekerja ini.

1.5 Definisi Istilah & Operasional

Persepsi

Konseptual : Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990) persepsi adalah merujuk kepada satu proses yang melibatkan manusia membuat pemilihan ke atas sebahagian daripada rangsangan yang memberi makna ke atas dirinya.

Operasional : Persepsi di dalam kajian ini adalah merujuk kepada pandangan, tanggapan para peserta terhadap program Perasa samada berinterpretasi persepsi positif atau negatif

Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA)

Konseptual : Shahbudin Hj. Ashari (1993) mendefinisikan PERASA sebagai satu program yang diubahsuai dari program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan program ini ditumpukan kepada golongan pekerja.

Operasional : PERASA di dalam kajian ini adalah merujuk kepada program latihan Pembimbing Rakan Sekerja yang di jalankan di dalam organisasi.

Personaliti

Konseptual : Menurut Ryckman (2000) personaliti merupakan ciri-ciri yang dinamik dan tersusun dimiliki oleh seseorang secara unik mempengaruhi kognitif, motivasi dan tingkahlaku dalam pelbagai situasi

Operasional : Personaliti di dalam kajian ini adalah merujuk kepada sifat atau sikap-sikap yang ditunjukkan oleh peserta terhadap perhubungan membantu.

Motivasi

Konseptual : Menurut Chaplin (1985) motivasi ditakrifkan sebagai pembolehubah yang digunakan untuk menerangkan tentang faktor dalam organisama yang membangkitkan, mengekalkan dan mengarahkan tingkah laku ke arah sesuatu matlamat.

Operasional : Di dalam kajian ini motivasi adalah merujuk kepada tingkahlaku-tingkahlaku yang ditunjukkan atau dilakukan oleh peserta setelah mengikuti program Perasa yang diklasifikasikan sebagai motivasi diri.

Kemahiran


Konseptual : Menurut Tovey (1997) kemahiran bukan sekadar kebolehan untuk melakukan sesuatu yang bersifat fizikal tetapi, juga merujuk kepada kebolehan mental, motor atau sosial.

Operasional : Kemahiran di dalam kajian ini adalah merujuk kepada aspek-aspek pembelajaran kemahiran kaunseling yang diperolehi di dalam program latihan Pembimbing Rakan Sekerja.

1.6 Rangka Konseptual Kajian

Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah persepsi program PERASA. Manakala pembolehubah tidak bersandar pula adalah faktor demografi seperti, umur, tahap pendidikan dan bilangan tempoh perkhidmatan dan faktor diri peserta PERASA seperti motivasi diri, personaliti membantu serta kemahiran yang diperolehi terhadap persepsi Program Pembimbing Rakan Sekerja.

Gambar rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



1.7 **Objektif Kajian**

1.7.1 **Objektif Umum**

Objektif umum kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi peserta Program latihan Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) yang telah mengikuti program PERASA ini.

1.7.2 **Objektif Khusus**

Objektif khusus kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti:

1. Perbezaan antara faktor demografi terpilih dengan persepsi program latihan Perasa.
2. Perkaitan antara faktor motivasi diri dengan persepsi program latihan Perasa.
3. Perkaitan antara faktor personaliti membantu dengan persepsi program latihan Perasa.
4. Perkaitan antara faktor kemahiran latihan yang diperolehi dengan persepsi program latihan Perasa.
5. Persepsi peserta secara keseluruhan terhadap program latihan Perasa.

1.8 **Hipotesis Kajian**

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor umur dengan persepsi program Perasa
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor taraf pendidikan dengan persepsi program Perasa
- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor bilangan tahun berkhidmat dengan persepsi program Perasa
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi diri dengan persepsi program Perasa
- Ho 5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran yang diperolehi dengan persepsi program Perasa
- Ho 6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti membantu dengan persepsi program Perasa.

1.9 Limitasi Kajian

Kajian berhubung persepsi para peserta PERASA terhadap keberkesanan program latihan Pembimbing Rakan Sekerja hanya dijalankan kepada para peserta program Perasa bagi kakitangan Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching dan guru-guru besar di daerah Lundu, Sarawak sahaja.

Kajian ini juga hanya mengambil kira persepsi sebilangan kecil sahaja para peserta yang telah mengikuti program latihan PERASA ini pada tahun 2001 sahaja. Iaitu seramai 35 daripada 50 orang peserta program Perasa sahaja telah dipilih daripada sample. 15 responden daripada guru-guru besar di daerah Lundu, Sarawak dan 20 responden daripada kakitangan Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching

Kajian yang dijalankan ini juga tidak dapat melihat persepsi dari sudut perbezaan di antara jantina kajian, kerana peserta wanita di dalam kajian ini adalah terhad untuk dilakukan perbandingan persepsi.

Pengumpulan maklumat seperti menggunakan kaedah temubual turut digunakan, bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung program Perasa yang telah dijalankan di negeri Sarawak ini. Walau bagaimanapun maklumat yang diperolehi dibatasi oleh isu-isu kerahsiaan dalam organisasi berhubung maklumat yang dianggap rahsia untuk didedahkan kepada pengetahuan umum.

Pengumpulan maklumat daripada borang soal selidik yang diedarkan juga adalah terhad maklumatnya, iaitu maklumat berhubung fokus kajian iaitu berhubung persepsi terhadap program Perasa sahaja kerana soalan terbuka tidak dimuatkan kepada responden di dalam kajian yang dilakukan ini.

Penyelidik juga tidak dapat memberikan borang soal selidik kepada 50 orang peserta yang telah mengikuti program Perasa ini, kerana dibatasi oleh halangan-halangan yang tidak dapat dielakkan. Misalnya hanya sebahagian sahaja yang mengembalikan borang soal selidik kerana tidak dapat dihubungi.

BAB DUA KAJIAN SEMULA PENULISAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan memberikan ulasan hasil penulisan dan juga kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, yang merangkumi beberapa aspek penting seperti konsep-konsep, teori yang akan membantu untuk menjawab segala persoalan di dalam kajian ini, berhubung persepsi para peserta program Pembimbing Rakan Sekerja terhadap program PERASA.

2.2 Persepsi

Persepsi merupakan antara keistimewaan yang dimiliki oleh manusia. Ia adalah suatu yang abstrak dan agak sukar untuk diukur apatah lagi untuk dilihat secara empirikal. tetapi kita dapat merasakannya ia berlaku di dalam kehidupan seharian kita sendiri. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990) persepsi adalah merujuk kepada satu proses yang melibatkan manusia membuat pemilihan ke atas sebahagian daripada rangsangan yang memberi makna ke atas dirinya.

Manakala bagi Noraini Ahmad (1996) pula menyatakan bahawa persepsi adalah amat dipengaruhi oleh latar belakang, pengalaman, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang. Beliau telah mentafsir persepsi sebagai bagaimana seseorang melihat serta mentafsirkan sesuatu berdasarkan pengalaman dan kepercayaan serta pegangan nilai.

Menurut Wilkison dalam Harry Jingkau (2001) menyatakan bahawa persepsi adalah satu proses menerima dan mentafsir mesej sensori dengan tujuan untuk memberi makna kepada persekitaran. Melalui persepsi yang berlaku inilah manusia memproses maklumat yang diterima sebagai *in-put* yang kemudiannya dipindahkan kepada tindakan dan pilihan dikenali sebagai *out-put* yang akan dilakukan oleh seseorang sebagai maklumbalas terhadap rangsangan maklumablas yang diterimanya.

Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990) lagi, persepsi bukanlah suatu proses yang lazim kerana ia tidak berlaku secara sepontan atau automatik. Ini kerana terdapat beberapa perkara yang lain turut terlibat di dalam proses membuat persepsi seperti proses dan peringkat-peringkat di dalam di dalam kognitif diri manusia. Ini termasuklah proses rangsangan deria *sensory stimulation occur*, penyusunan rangsangan deria *sensory stimulation is organized* dan rangsangan deria ditafsirkan dan dinilai *sensory stimulation is interpreted evaluation*. Maka dengan ini berlakulah apa yang disebut sebagai persepsi. Namun sedemikian, ia turut dipengaruhi oleh beberapa perkara yang lain.

Noraini Ahmad (1996) menambah lagi dengan menyatakan bahawa persepsi amat dipengaruhi oleh latar belakang, pengalaman, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang. Beliau telah mentafsir persepsi sebagai bagaimana seseorang melihat serta mentafsirkan sesuatu berdasarkan pengalaman dan kepercayaan serta pegangan nilai.

Oleh itu, dapatlah difahami bahawa persepsi adalah sebagai tanggapan atau pandangan seseorang terhadap sesuatu perkara yang berlaku atau terjadi. Pandangan atau tanggapan ini dipengaruhi oleh beberapa perkara seperti keadaan persekitaran, pegangan nilai, taraf pendidikan, umur, jantina pengalaman dan sebagainya.

2.3 Personaliti

Istilah personaliti telah banyak diberikan definisi dari pelbagai sudut dan dimensi dengan pelbagai dan pendekatan yang berbeza. Namun sedemikian, personaliti merujuk kepada ciri-ciri yang menyifatkan seseorang individu dan membezakannya dengan individu yang lain. Menurut Schultz & Schultz, 1994 dalam Wan Abdul Kader (2000) perkataan personaliti berasal dari perkataan Latin 'persona' yang merujuk kepada topeng yang digunakan oleh pelakon dalam suatu lakonan, justeru itu personaliti dapat dinyatakan sebagai sifat luaran yang boleh diperhatikan. Ini berbeza dengan definisi daripada ahli-ahli teori personaliti yang lain seperti Carl Jung, Alpfred Adler, Sigmund Frued, dan Gordon Allport.

Walau bagaimanapun, personaliti pada diri manusia berkembang mengikut tahap perkembangan psikologikal pada diri manusia sendiri. Mislanya Erik Erikson (1950) telah memperkenalkan teori 'Eight Ages of Man' yang menerangkan ciri-ciri umum pada diri manusia bermula daripada peringkat awal bayi hingga ke peringkat tua. Terdapat 8 peringkat di dalam perkembangan diri manusia seperti di dalam gambar rajah berikut:

Gambar rajah 2:Tahap Perkembangan Manusia Menurut Erik Erikson (1950)

Bil	Tahap Perkembangan	Peringkat Umur
1.	Percaya dan Tidak Percaya	Lahir hingga 18 bulan
2.	Autonomi dan Rasa Malu dan Kesangsian	18 bulan hingga 3 tahun
3.	Inisiatif dan Rasa Bersalah	3 hingga 6 tahun
4.	Kerajinan dan Rasa Rendah Diri	6 hingga 12 tahun
5.	Identiti dan Kekeliruan	12 hingga 18 tahun
6.	Kemesraan dan Keterasingan	18 hingga 24 tahun
7.	Generaviti dan Keasyikan	24 hingga 54 tahun
8.	Integriti dan Putus Asa	54 tahun ke atas

Berdasarkan kepada peringkat perkembangan di atas, di dalam peringkat yang ke tujuh iaitu peringkat generaviti dan keasyikan adalah tahap yang paling lama dan produktif di dalam kehidupan seseorang. Produktif di sini dilihat daripada aspek pembinaan keluarga, pekerjaan dan kerjaya, kejayaan dan penglibatan dengan usaha-usaha kreatif.

Oleh yang sedemikian di tahap peringkat ini individu berusaha untuk meningkatkan dan memperkembangkan segala potensi dan kemampuan untuk kehidupannya. Oleh itu bantuan, sokongan, dorongan, inspirasi samada berbentuk fizikal atau bukan fizikal diperlukan, khususnya kepada mereka yang bekerjaya berkhidmat di dalam organisasi. Justeru itu program Perasa sangat sesuai untuk diketengahkan kepada mereka di dalam peringkat umur ini.

Perasa adalah program yang bertujuan untuk memimpin dan membimbing rakan-rakan di tempat kerja agar dapat bekerja dengan suasana yang harmoni di tempat kerja dengan sama-sama berbincang, bertukar-tukar pandangan serta meluahkan perasaan dengan tertib dapat dilakukan sesama mereka melalui program Pembimbing Rakan Sekerja ini.

2.4 Pembimbing Rakan Sekerja

Shahbudin Hj. Ashari (1993) mendefinisikan Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) sebagai program yang diubahsuai dari program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan program ini ditumpukan kepada golongan pekerja yang berminat untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih positif dan mereka diberikan latihan asas perhubungan kemanusiaan, penceroakan sendiri dan kemahiran lanjutan mengikut keperluan sesebuah institusi.

Manakala Zuraidah (1987) telah mendefinisikan PRS sebagai kumpulan atau kelompok pelajar yang telah dilatih dalam bidang kemahiran asas komunikasi dan kaunseling, dan ia berfungsi sebagai seorang kawan yang berkesan kepada rakan sebaya, terutama kepada mereka yang memerlukan pertolongan.

2.5 Tujuan Program Perasa

Program latihan Pembimbing Rakan sekerja adalah bertujuan untuk:

1. Mewujudkan persekitaran kerja yang harmonis, saling membantu dan memahami sesama rakan sekerja di organisasi.
2. Menyediakan khidmat yang lebih sistematik secara formal atau tidak formal sebagai saluran mencurahkan perasaan dengan beretika
3. Mewujudkan kumpulan pekerja yang mempunyai ciri-ciri peribadi yang positif. Misalnya proaktif dalam pekerjaan, bermotivasi dan rajin. Ini menjadi *role model* kepada pekerja lain.
4. Mewujudkan kumpulan pekerja yang mengamalkan budaya membimbing dengan sifat-sifat penyayang, memahami boleh dipercayai, menerima, sabar, berfikiran positif mahu mendengar, empati dan asertif.

Seperti di dalam program Pembimbing Rakan Sebaya misalnya, (PRS) Keat (1976) menggunakan pendekatan multimodal untuk melatih pembimbing sebaya berdasarkan ekronim 'HELPING' iaitu:

H	=	Help (Menolong)
E	=	Empathy (Empati)
L	=	Learn (Belajar)
P	=	Peers, People, Personal problems (Rakan sebaya, manusia, masalah peribadi)
I	=	Image, Interest (Gambaran, minat)
N	=	Needs (Keperluan)
G	=	Guidance (Bimbingan)